



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 1991**

**PANDUAN MENINGKATKAN
KUALITI LAYANAN URUSAN
MELALUI TELEFON**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
9 JANUARI, 1991**

Dikelilingkan kepada:

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menyampaikan panduan untuk membantu pihak pengurusan dan urusetia jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan adalah seperti di lampiran kepada Pekeliling ini.

LATAR BELAKANG

2. Dari semasa ke semasa, Kerajaan telah mewujudkan berbagai-bagai jawatankuasa untuk melaksanakan tanggungjawab tertentu. Secara umumnya, jawatankuasa-jawatankuasa ini memainkan peranan untuk:

- (i) merancang pelaksanaan sesuatu dasar atau program Kerajaan;
- (ii) memperolehi nasihat dari pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam perkara tertentu; dan
- (iii) menyelaraskan dan menyatukan usaha-usaha pelaksanaan sesuatu program supaya tindakan-tindakan yang dilakukan oleh semua agensi yang terlibat adalah bersepadu dan terselaraskan.

3. Sebuah urusetia perlu dilantik untuk membantu jawatankuasa menjalankan tanggungjawabnya. Urusetia ini akan menjalankan tugas-tugas seperti mengatur mesyuarat, menghantar surat jemputan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat. Di samping itu, Urusetia juga bertanggungjawab bagi mewujudkan satu sistem pengesanan bagi menentukan *follow-up* dan *follow-through* ke atas keputusan-keputusan jawatankuasa.

PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT DAN URUSAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KERAJAAN

4. Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan ini adalah dikeluarkan untuk menetapkan tindakan-tindakan dan norma-norma kerja yang harus dilaksanakan bagi menentukan bahawa pengurusan mesyuarat dan urusan jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan adalah dikendalikan dengan jayanya.

TARIKH KUATKUASA

5. Garis panduan ini hendaklah digunakan mulai daripada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.



TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
Ketua Setiausaha Negara

PRA-KATA

Siri Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ini telah dilancarkan pada tahun ini, khusus untuk menyampaikan garis panduan untuk meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan dan kualiti hasil kerja. Setakat ini, sebelas Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam telah dikeluarkan dalam beberapa bidang pengurusan.

2. Kesebelas Pekeliling tersebut berserta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 mengenai "Penggunaan Borang-borang Baru Bagi Pengurusan Harta Modal, Inventori Dan Bekalan Pejabat" adalah dibukukan dalam jilid ini untuk menjadi buku rujukan bagi ketua-ketua jabatan. Buku ini boleh digunakan sebagai bahan latihan oleh Institut Tadbiran Awam negara (INTAN) dan institut-institut latihan sektor awam yang lain.



TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha Negara.

29 Julai 1991.